

SULIT

---



UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2017 /2018

Mei/Jun 2018

**HMT504 - Morfologi dan Sintaksis Bahasa  
Melayu Lanjutan**

Masa: 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi EMPAT (4) muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

**ARAHAN:**

1. Kertas peperiksaan ini mengandungi ENAM (6) soalan dalam TIGA (3) bahagian – Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C.
2. Bahagian A mengandungi Soalan 1 dan 2 yang WAJIB dijawab.
3. Bahagian B dan C masing-masing mengandungi DUA soalan. Jawab SATU soalan sahaja daripada setiap bahagian.
4. Untuk Bahagian A, jika anda menjawab LIMA (5) atau lebih soalan, maka EMPAT (4) soalan bernombor terawal sahaja yang akan disemak.
5. Jumlah soalan yang perlu dijawab ialah **EMPAT (4)**.

...2/-

SULIT

Bahagian A: Soalan WAJIB dijawab.

1. Berserta contoh-contoh yang jelas daripada bahasa Melayu, huraikan dengan padat DUA daripada konsep morfologi yang berikut:

- [a] leksem dan bentuk-kata
- [b] kata akar dan kata dasar kompleks
- [c] kasus genitif *-nya* dan morfem derivasi *-nya*
- [d] kategori leksikal dan kategori bukan-leksikal

[30 markah]

2. Berserta contoh-contoh yang jelas daripada bahasa Melayu, huraikan dengan padat DUA daripada konsep sintaksis yang berikut. Konsep sintaksis yang berikut adalah dalam kerangka Teori Prinsip dan Parameter.

- [a] pro dan PRO
- [b] FN kompleks dan FKOMP
- [c] Kasus dan Gerak-FN
- [d] hipotesis FK-subjek dalaman dan hipotesis FK-terbahagi

[30 markah]

Bahagian B: Jawab SATU (1) soalan sahaja.

3. Zaharani (2008) dan Nik Safiah Karim et al. (2010) mempunyai andaian yang berbeza mengenai proses penerbitan kata bagi perkataan seperti *memperluaskan*, *menyeragamkan*, dan *mengetuai*. Dengan berbantuan rajah pohon binaan kata yang lengkap dan kerangka teori morfologi leksikal, huraikan dengan jelas perbezaan kedua-dua andaian tersebut terutamanya yang membabitkan perkataan *memperluaskan*. Kaitkan kelebihan hujahan Zaharani dengan matlamat teori yang bersifat minimalis.

[20 markah]

...3/-

SULIT

- [a] Huraikan dengan ringkas tingkah laku sintaksis bagi kata kerja yang hadir dalam setiap ayat matriks dalam **Data B**. Gunakan konsep struktur argumen dan grid-teta.
- [b] Berserta rajah pohon dengan FK-terbahagi, berikan analisis yang berpada ke atas struktur ayat kompleks tersebut.

[20 markah]

6. Berdasarkan kajian-kajian terkini yang menggunakan kerangka Teori Prinsip dan Parameter dan Program Minimalis versi awal untuk menganalisis fenomena bahasa seperti di bawah, huraikan dengan padat hujahan deskriptif yang dikemukakan oleh pengkaji-pengkaji berkenaan.

- [a] Fenomena struktur ayat kata kerja transitif tanpa objek (Nurhafizah, 2017; Mukhlis, 2010)
- [b] Fenomena struktur ayat kata kerja transitif berobjek dengan sisipan 'lagi' (Fazal Mohamad et al. 2010)

[20 markah]